

PM bincang barisan kabinet

UM - 7 DEC 1999

Oleh G. MANIMARAN

KUALA LUMPUR 6 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menemui pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) secara berasingan di Putrajaya bagi membincangkan barisan kabinet dan Exco beberapa kerajaan negeri.

Pertemuan tersebut yang bermula pagi ini merupakan yang pertama sejak pilihan raya umum pada Isnin lalu.

Pemimpin kanan parti komponen BN pertama yang menemui Dr. Mahathir ialah Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik pada pukul 8.50 pagi.

Pemimpin-pemimpin lain yang turut menemui Perdana Menteri ialah Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu dan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik.

Selain pemimpin komponen peringkat kebangsaan, turut menemui Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN ialah pemimpin-pemimpin BN peringkat negeri.

Antara pemimpin BN negeri yang terbabit ialah Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad; Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shaidan Kassim.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu

Sukam dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd. Ali. Mohd. Rus-tam pula mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri petang ini.

Pada pilihan raya umum kali ini, BN memperoleh 148 daripada 193 kerusi Parlimen.

Pada Sabtu lalu, Dr. Mahathir antara lain berkata, kabinet baru akan dibentuk secepat mungkin.

Perubahan

Pembentukan kabinet baru akan menyaksikan perubahan ketara di 12 kementerian dan Jabatan Perdana Menteri memandangkan beberapa menteri mengalami kekalahan, selain ada menteri yang berundur dari politik manakala seorang menteri, tidak dinamakan semula sebagai calon pilihan raya.

Antara menteri yang tewas ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Abdul Hamid Othman; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed. Mustapa juga merupakan Menteri Pembangunan Usahawan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa juga mengalami kekalahan kali ini.

Dalam pada itu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek yang merupakan wakil MCA pula berun-

dur diri dari bertanding kali ini manakala Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha tidak dicalonkan sebagai calon kali ini.

Malah, terdapat 12 kekosongan peringkat jawatan timbalan menteri kali ini.

Dalam pada itu, Samy Vellu yang ditanya pemberita sama ada beliau akan dilantik semula menganggotai kabinet, beliau berkata:

"Kita telah serahkan nama dan syor-syor kepada Perdana Menteri."

Kedudukan

Tambahnya, kini terserah kepada Dr. Mahathir untuk menentukan kedudukan beliau dan wakil-wakil MIC lain dalam kabinet.

Samy Vellu yang dalam kabinet semasa menyandang jawatan Menteri Kerja Raya, bertanding di kawasan Parlimen Sungai Siput, Perak.

Dr. Ling, yang juga Menteri Pengangkutan dan Dr. Lim, Menteri Perusahaan Utama tidak mahu bercakap kepada pemberita tentang kedudukan mereka.

Kabinet juga akan menyaksikan beberapa bekas Ketua Menteri dan Menteri Besar, termasuk bekas Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib yang bertanding di kawasan Parlimen Pasir Salak.